

22/10/2001

Penyelesaian isu Palestin akan legakan negara Islam

Shariffudin Mohamed

PEKAN, Ahad - Malaysia yakin penyelesaian isu Palestin akan meredakan perasaan marah di kalangan dunia Islam, terutama golongan tertentu yang disifatkan sebagai fanatik.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, berkata Malaysia tiada halangan untuk menghantar pasukan pengaman tajaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi memantau proses perdamaian di Asia Barat.

Katanya, kesediaan itu sejajar dengan ketegasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika bertemu Presiden Amerika Syarikat, George W Bush, bahawa isu Palestin perlu diselesaikan segera dalam usahanya memerangi keganasan.

"Kewujudan rasa simpati yang sangat kuat di kalangan umat Islam di seluruh dunia tidak boleh ditolak, apatah lagi apabila melihat saudara seagama di Palestin dizalimi Israel.

"Ini berpunca daripada kegagalan kuasa besar seperti Amerika Syarikat membantu usaha menubuhkan sebuah negara Palestin berdaulat," katanya selepas menghadiri pertandingan Memancing Merchong 2001 di pantai Merchong, dekat sini, hari ini.

Pertandingan yang dianjurkan Pengurusan Chalet Kampung Merchong dengan kerjasama Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Pekan itu menyediakan hadiah bernilai RM40,000 berupa wang tunai dan barangan elektrik.

Malaysia pernah menghantar pasukan pengaman kelolaan PBB ke beberapa negara, termasuk di Bosnia-Herzegovina dari 1993 hingga 1998 menerusi Batalion Malaysia (Malbatt) dan Kontinjen Malaysia (Malcon).

Akhbar hari ini melaporkan Dr Mahathir mengingatkan Bush bahawa keganasan antarabangsa tidak akan berakhir jika krisis di Asia Barat belum tamat.

Perdana Menteri memberi peringatan itu selepas mengadakan perbincangan dua hala dengan Bush pada acara sampingan mesyuarat pemimpin Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai.

Najib berkata, walaupun soal penghantaran pasukan pengaman belum diputuskan Kabinet, Malaysia bersedia berbuat demikian jika Majlis Keselamatan PBB mengemukakan permintaan.

(END)